



Kemala Indonesia

Fikiran Masyarakat, Vol. 6, No. 2, 2018
ISSN No. 2338-512X

Persepsi Pelajar Institut Profesional Baitulmal Terhadap Permohonan Bantuan Zakat Pendidikan MAIWP

Nor Farahain Binti Saud, Hasanah Binti Abd. Khafidz

Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
E-mail :farahain1231@gmail.com; hasanah@ukm.edu.my

Abstrak - Pendidikan merupakan mekanisme penting dalam melahirkan generasi yang bebas dari kemiskinan. Kepelbagaiannya skim dan bentuk bantuan zakat di bawah program pembangunan pendidikan membuka peluang kepada pelajar asnaf untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Atas dasar itulah pihak institusi zakat berusaha menyediakan garis panduan tertentu agar ia benar-benar dapat dimanfaatkan dan memberi impak yang maksimum kepada penerimanya. Walau bagaimanapun, asnaf zakat perlu bijak dalam menggunakan bantuan pendidikan dengan sebaik-baiknya agar objektif sebenar zakat tercapai. Penelitian terhadap kajian lepas mendapati faktor keberkesanan prosedur permohonan mempengaruhi tahap purata kepuasan asnaf terhadap agihan dan seterusnya mempengaruhi kualiti hidup asnaf secara signifikan. Justeru, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengukur persepsi pelajar Institut Profesional Baitulmal terhadap bantuan zakat pendidikan MAIWP dari sudut prosedur permohonan. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif. Pengkaji menggunakan instrument soal selidik dan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23 dengan teknik-teknik berbentuk deskriptif. Kajian ini melibatkan 138 orang pelajar yang menerima bantuan zakat di Institut Profesional Baitulmal dalam program Homegrown dan program Usahasama Universiti Teknologi Mara (UiTM). Dapatkan kajian menunjukkan persepsi pelajar IBP terhadap proses permohonan bantuan zakat pendidikan MAIWP melalui proses temuduga (4.48) berada pada tahap skor min yang tinggi.

Kata Kunci: Persepsi, Pelajar, Institut Profesional Baitulmal, MAIWP, Zakat Pendidikan.

I. Pendahuluan.

Persepsi penerima bantuan zakat pendidikan di Malaysia menentukan tahap kesungguhan mereka dalam mementingkan pendidikan dan ilmu pengetahuan. Merujuk Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, persepsi memberi maksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu. Zakat pula diterjemahkan sebagai harta tertentu yang dikeluarkan dengan kadar tertentu dan diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya (al-Qaradawi: 1969). Mujaini Tarimin (1999) ada memperincikan pengertian zakat sebagai penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah bagi mencari keredhaan Allah SWT. Terdapat lapan golongan yang berhak menerima bantuan zakat sebagaimana firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 60 sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, miskin, amil, mualaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil. Pengagihan kepada lapan golongan ini terdapat dalam pelbagai bentuk seperti bantuan pendidikan, bantuan sara hidup, bantuan kesihatan dan lain-lain. Manakala pendidikan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka pula membawa maksud perihal atau perbuatan mendidik.

II. Tinjauan Kajian Berkaitan

Zakat adalah kewajipan yang perlu ditunaikan oleh umat Islam yang mukallaf dan merupakan salah satu rukun daripada rukun Islam yang lima. Di Malaysia, institut yang bertanggungjawab terhadap segala urusan kutipan zakat fitrah dan harta berada dibawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Contohnya di Wilayah Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, badan yang bertanggungjawab memungut zakat ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang menggunakan jenama Pusat Pungutan Zakat (PPZ). Manakala operasi agihan zakat dikelola sepenuhnya oleh bahagian Baitulmal, MAIWP. Di bawah bahagian Baitulmal terdapat jawatankuasa yang berperanan meneliti dan meluluskan agihan zakat. (Muhsin Nor Paizin 2014). Al-Qaradawi (2011), menjelaskan pengagihan zakat yang dilaksanakan ini hendaklah diagihkan kepada asnaf di tempat mana ia dikutip.

Oleh itu, had kifayah ialah perkara utama yang akan dilihat dalam pengurusan agihan dana zakat dalam menentukan golongan yang layak menerima zakat (JAWHAR 2007). Majlis Agama Islam Negeri dan institusi zakat berperanan dalam menentukan had kifayah bagi negeri masing-masing. Kaedah yang digunakan adalah mengikut taksiran cukai pendapatan dan purata garis kemiskinan. Dalam konteks Islam, pendekatan maqasid syariah dilihat sebagai alternatif baharu dalam penetapan had kifayah zakat yang lebih menepati kehendak syarak (Azman Ab Rahman, 2017).

Had kifayah secara umumnya adalah kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan kehidupan seseorang individu serta mereka yang berada di dalam tanggungannya. Kadar zakat yang diterima oleh seseorang itu diharapkan dapat memastikan kelangsungan kehidupan seseorang serta tanggungan disamping dapat membantu meningkatkan taraf hidup iaitu bagi memenuhi keperluan daruriyyat dan hajjiyyat mereka (Syed Othman, 1988). Justeru, zakat dilihat sebagai salah satu instrumen kewangan yang berkesan untuk membantu golongan miskin dan golongan yang memerlukan (Mujaini Tarimin 2005). Terdapat enam jenis perbelanjaan yang dikategorikan sebagai keperluan asasi bagi sebuah rumah dalam menetapkan garis had kifayah. Komponen asas tersebut ialah tempat perlindungan, pengangkutan, makanan, pakaian, perubatan dan pendidikan. Had kifayah tersebut adalah berdasarkan kos sara hidup semasa.

Keratan akhbar Sinar Harian bertarikh 28 Februari 2017 ada berbicara tentang ramalan kos yang akan meningkat menjelang tahun 2017. Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) telah menjangkakan bahawa Malaysia akan mengalami peningkatan kos sara hidup yang tinggi berikutan beberapa isu peningkatan harga barang. Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, selain isu peningkatan harga barang, nilai mata wang negara yang rendah juga akan memberi kesan yang mendalam dan beliau menasihatkan supaya rakyat Malaysia perlu bersiap sedia dalam menghadapi kemungkinan itu supaya ia tidak memberi kesan yang besar dalam kehidupan.

Dekan Pusat pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr. Aminah Ayob berkata, kehidupan di bandar yang sangat mencabar dan kos sara hidup yang tinggi menyebabkan ibu bapa terpaksa bekerja siang dan malam bagi menambah pendapatan. Akibatnya anak-anak terbiar, kurang mendapat perhatian dan tiada pengawasan terhadap pergaulan. Ini sekali gus menjadi punca pengabaian terhadap pemantauan pendidikan dan menyebabkan mereka hanyut dan gagal meningkatkan diri dalam pelajaran. (Utusan 28/2/17). Kajian oleh Ishak Yussof (2009) telah membuktikan bahawa orang miskin kebiasaananya tidak mampu melanjutkan pendidikan yang lebih tinggi disebabkan pembelajaran pada tahap tinggi melibatkan kos pelajaran yang semakin tinggi. Oleh yang demikian, pelajar yang miskin mempunyai peluang yang rendah dalam pendidikan terutamanya pada peringkat tertier. Hal ini jelas menunjukkan pendidikan berkait langsung dengan tahap pertumbuhan ekonomi.

Justeru, bagi golongan yang kurang berkemampuan, bantuan kewangan seperti zakat adalah satu peluang yang jelas bagi membantu golongan asnaf yang semakin terbeban dengan tekanan ekonomi. Selain itu, zakat sebagai instrumen kewangan. Islam dilihat sebagai salah satu tonggak penting dalam pembangunan pendidikan khususnya kepada pelajar fakir dan miskin. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri dalam memperkasakan kutipan dan agihan zakat agar objektif sebenar zakat tercapai.

2. 1. Zakat Pendidikan MAIWP di IPB

Pendidikan merupakan keperluan asasi utama bagi seseorang individu. Malah menuntut ilmu menjadi suatu saranan keagamaan yang penting dalam Islam sehinggakan secara jelas meletakkan hukum wajib bagi setiap Muslim untuk menuntut ilmu: “*Menuntut ilmu itu wajib atas setiap Muslim*” (Hadis riwayat Ibnu Majah, no. 224). Menuntut ilmu itu penting kerana dengan ilmu seseorang itu dapat menentukan jalan kehidupan sama ada benar atau salah. Malah, nilai seseorang itu juga dilihat pada ilmunya. Kajian perbandingan di negara Asia Timur oleh McMahon (1998) mendapati pembangunan sumber manusia melalui pendidikan memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi dengan perbelanjaan pendidikan di tahap menengah dan tinggi adalah lebih penting.

Di Malaysia, Akta Pendidikan 1996 telah dipinda dengan memasukkan satu seksyen baru iaitu Seksyen 29A yang menetapkan kuasa Menteri untuk mewajibkan pendidikan peringkat sekolah rendah. Seksyen

29A (2) juga menjelaskan bahawa setiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib. Kementerian Pendidikan menetapkan untuk melaksanakan pendidikan wajib di peringkat rendah berkuat kuasa pada 1 Januari 2003. Akta Pendidikan turut memperuntukkan ibu bapa boleh diheret ke mahkamah jika gagal berbuat demikian.

Pendidikan peringkat tinggi pula merupakan suatu keperluan semasa yang penting. Selaras dengan dengan teras kedua Misi Nasional, negara perlu melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi. Modal insan yang dibangunkan perlu mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul. Ia bersesuaian dengan matlamat pembangunan modal insan yang dihasratkan, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara digubal dengan visi untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Transformasi ini merupakan peletakan asas ke arah kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi melangkaui tahun 2020.

Walaubagaimanapun, tidak semua rakyat Malaysia berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya, iaitu peringkat pendidikan tinggi disebabkan oleh faktor kos sara hidup yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa bantuan dalam pendidikan sangat diperlukan bagi golongan yang tidak berkemampuan. Terdapat beberapa golongan asnaf yang layak mendapat bantuan zakat dalam pendidikan. Antara golongan tersebut adalah golongan fakir dan miskin yang tidak mempunyai keupayaan untuk mendapat pendidikan yang sempurna akibatkekangan kewangan. Golongan lain yang turut mendapat zakat bagi tujuan pendidikan adalah golongan fisabilillah dan mualaf (Norfariza Mohd Radzi 2017).

Zakat pendidikan dalam konteks perbincangan kajian ini merupakan zakat yang telah diagihkan kepada golongan asnaf zakat dan merujuk secara khusus dalam bentuk agihan pendidikan. Agihan zakat untuk pendidikan pada masa kini adalah dalam pelbagai bentuk sesuai dengan keperluan golongan asnaf dalam proses pembelajaran dan pendidikan yang berterusan (Azman Ab Rahman 2017). Kajian oleh Najibah Mustaffa (2014) dalam juga mendapati, agihan zakat untuk pendidikan dapat membantu pelajar asnaf dalam memenuhi keperluan masa kini yang berhadapan dengan yuran pengajian yang semakin meningkat terutamanya dalam bidang atau kursus-kursus yang kritikal.

MAIWP adalah institut yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan. Program agihan zakat merupakan program utama MAIWP. MAIWP bertindak secara proaktif, kreatif dan inovatif dalam pengagihan zakat. Zakat yang diterima daripada pembayar di Wilayah Persekutuan dimanfaatkan menerusi pelbagai program agihan zakat oleh MAIWP. MAIWP merupakan institusi hal ehwal Islam yang berjaya dari segi kecekapan pengagihan wang zakat terutamanya pengagihan melalui institusi pendidikan. Ini terbukti sehingga kini MAIWP mempunyai beberapa institusi pendidikan yang bernaung di bawahnya dan memberi bantuan pendidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di bawah institusi terbabit. Antaranya ialah Institusi Profesional Baitulmal (IPB), Institusi Kemahiran Baitulmal (IKB), Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS), Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA), Tadika Islam MAIWP, Darul Ilmi, dan Taska Darul Hanan dan Pondok Moden Al’-Abaqirah. (Laporan Tahunan Pusat Pungutan Zakat MAIWP 2016).

Laporan Tahunan Pusat pungutan Zakat MAIWP (2014) ada menyatakan bentuk-bentuk dan nilai an agihan zakat menerusi skim bantuan zakat pendidikan iaitu bantuan am persekolahan sebanyak RM16.52 juta. Bantuan am pelajaran IPT sebanyak RM29.12 juta. Bantuan peralatan dan kecemasan persekolahan sebanyak RM5.87 juta. Bantuan biasiswa intensif khas pelajar cemerlang dalam dan luar negara sebanyak RM6.77 juta. Bantuan persediaan IPT sebanyak RM3.01 juta. Bantuan tuisyen sebanyak RM46.047. Bantuan pelajar Kolej Antarabangsa Sains perubatan PUSRAWI (PICOMS) sebanyak RM11.25 juta. Bantuan pelajar Institut Profesional Baitulmal sebanyak RM11.56 juta dan bantuan galakan hafaz al-Quran sebanyak RM1.3 juta.

2. 2. Institut Profesional Baitulmal

Kajian oleh Azman Ab. Rahman (2017) mendapati hampir kesemua institusi zakat dan unit Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri memberikan zakat untuk pendidikan kepada asnaf khususnya kepada asnaf fakir, miskin, fisabilillah, ibn sabil dan mualaf. Hasil kajiannya turut mendapati, terdapat perbezaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari segi bantuan zakat untuk pendidikan bagi pelajar jurusan atau aliran kejururawatan di Kuala Lumpur yang dinamakan bantuan zakat untuk pendidikan kepada pelajar kejururawatan PUSRAWI. Adapun di negeri Sarawak, bantuan pendidikan dari segi bantuan penyediaan tesis, manakala di negeri Johor bantuan zakat untuk pendidikan sedikit berbeza dengan institusi zakat yang lain iaitu dalam bentuk bantuan basikal pelajar dan bantuan cermin mata.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui bahagian Baitulmal telah menawarkan bantuan zakat pendidikan kepada pelajar Institut Profesional Baitulmal. Institut Profesional Baitulmal ditubuhkan pada 23 April 1992 dengan usahasama antara MAIWP dan Yayasan Wilayah Persekutuan. Objektif

penubuhannya ialah untuk menghasilkan professional muslim di samping membantu hal ehwal ekonomi orang Islam. Institut Profesional Baitulmal menawarkan pelbagai program pengajian. Antaranya adalah program London Chambers Commerce and Industry International Qualifications (LCCI-IQ), program The Certified Accounting technician (CAT), program usahasama Universiti Teknologi MARA (UITM) iaitu program Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Perakaunan, Diploma Sistem Maklumat Perakaunan, Diploma Sains Komputer dan Pra Perdagangan. Bermula April 2015, IBP menawarkan program sendiri iaitu program Homegrown yang terdiri daripada program Diploma Pengurusan Haji dan Umrah (DPHU), Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf (DPZW), Diploma Pengurusan Haji dan Umrah (DPHU) diikuti oleh program Diploma Pengurusan Industri Halal yang mula ditawarkan pada April 2016.

Bantuan pelajar Institut Profesional Baitulmal adalah bantuan yang disalurkan oleh unit Baitulmal MAIWP kepada para pelajar Institut Profesional Baitulmal yang layak berdasarkan kepada pengiraan had kifayah yang ditetapkan. Bantuan ini dibayar secara bulanan yang akan dimasukkan terus ke akaun pelajar. Menurut Muhammad Farid dan Izwan Harith (t.th) di dalam kajian mereka yang bertajuk Agihan Zakat Melalui Pendidikan Menerusi Anak Syarikat Majlis Agama Islam Wilayah persekutuan (MAIWP): Suatu Pengalaman Institut Profesional Baitulmal (IPB), mendapati pada tahun 2015, seramai 2456 orang pelajar menerima bantuan daripada bahagian baitulmal. Daripada jumlah tersebut, seramai 302 orang telah mendapat anugerah dekan pada setiap semester pada tahun 2015, pertambahan sebanyak 50% pada tahun 2014.

Kenaikan bilangan yang mendapat anugerah dekan ini ialah kerana buat kali pertama IPB telah berjaya menawarkan program baru iaitu program Homegrown. Program Homegrown ini telah mencatatkan jumlah pelajar yang paling tinggi dalam senarai penerima bantuan baitulmal iaitu seramai 990 orang. Antara faktor lain ialah bantuan pendidikan daripada MAIWP kepada pelajar yang layak telah menarik ramai pelajar untuk menyambung di IPB. Ini membuktikan bantuan baitulmal secara tidak langsung telah membantu masyarakat yang tidak berkemampuan untuk menyambung pelajaran di samping menjadikan pelajar lebih bersemangat untuk belajar bagi mendapatkan keputusan yang cemerlang. Pada tahun 2016, seramai 811 orang pelajar yang mendapat anugerah dekan. Ini telah menunjukkan peningkatan yang mendadak iaitu pertambahan sebanyak 168%. Hal ini disebabkan pertambahan jumlah pelajar yang menerima bantuan baitulmal menyebabkan mereka menjadi lebih bermotivasi untuk belajar dengan gigih.

III. Permasalahan dan Objektif Kajian

Kajian oleh Mohamed Dahan (1998) menjelaskan bahawa masih terdapat dalam kalangan pembayar zakat yang tidak berpuas hati dengan pengurusan institusi zakat iaitu isu berkaitan dengan prosedur permohonan asnaf dan proses tapisan yang merumitkan. Memandangkan MAIWP telah menetapkan kaedah permohonan bantuan zakat pendidikan melalui kaedah temuduga, oleh itu kajian ini dijalankan adalah untuk mengukur persepsi pelajar Institut Profesional Baitulmal terhadap prosedur permohonan bantuan zakat pendidikan MAIWP.

IV. Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, penyelidik menggunakan kaedah kajian secara kuantitatif. Metode penyelidikan kuantitatif dalam kajian ini ialah kajian tinjauan. Kajian tinjauan ini adalah satu metode untuk mengumpul maklumat dan bertanya melalui satu set instrumen seperti soal selidik kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang dikaji. Populasi kajian ini ialah pelajar-pelajar program usahasama UITM dan program Homegrown di Institut profesional Baitulmal. Kajian ini melibatkan 138 orang pelajar IPB yang menerima bantuan zakat pendidikan MAIWP. Bagi mengukur persepsi pelajar, penyelidik menggunakan teknik skala likert. Dalam instrumen kajian ini, responden diminta untuk memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu dari 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu bermula dengan Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5). Data yang dikumpulkan melalui set soal selidik yang diisi oleh responden akan dikodkan dalam komputer dengan menggunakan program *Pakej Statistik Sains Sosial*, iaitu SPSS versi 23. Kajian ini menggunakan kaedah statistik deskriptif sebagai kaedah penganalisan data. Dalam penyelidikan statistik deskriptif ini, data dikumpul daripada seluruh populasi dan statistik asas seperti frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan taburan skor Namun dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan beberapa kaedah penilaian statistik seperti menetapkan frekuensi peratusan dan min.

V. Hasil Kajian

Kajian ini akan memaparkan hasil analisis data terhadap persepsi pelajar Institut Profesional Baitulmal kepada tiga kategori iaitu persepsi pelajar IPB dari sudut permohonan bantuan zakat pendidikan MAIWP, persepsi pelajar IPB dari sudut penerimaan terhadap bantuan zakat pendidikan MAIWP dan persepsi pelajar IPB dari sudut penggunaan wang zakat pendidikan MAIWP. Analisa statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan skor min telah digunakan untuk menghurai secara keseluruhan item-item bagi soal selidik kajian. Interpretasi skor min bagi dapatan ini dirujuk berdasarkan jadual 1 seperti berikut:

Jadual 1 Skala Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tafsiran
1.00 hingga 2.23	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad 2002

Jadual 2 Persepsi Pelajar IPB Terhadap Prosedur Permohonan Bantuan Zakat MAIWP

Bil	Persepsi Pelajar Institut Profesional Baitulmal Terhadap Prosedur Permohonan Bantuan Zakat Pendidikan MAIWP	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1.	Saya menerima kaedah permohonan bantuan zakat pendidikan MAIWP adalah melalui proses temuduga.	1 (0.7%)	2 (1.4%)	6 (4.3%)	50 (36.2%)	79 (57.2%)	4.48
2.	Saya berpendapat borang permohonan zakat pendidikan MAIWP mempunyai arahan yang jelas.	1 (0.7%)	4 (2.9%)	16 (11.6%)	71 (51.4%)	46 (33.3%)	4.13
3.	Saya berpendapat prosedur untuk memohon bantuan zakat pendidikan MAIWP adalah mudah.	6 (4.3%)	22 (15.9%)	29 (21.0%)	57 (41.3%)	24 (17.4%)	3.51
4.	Pegawai zakat MAIWP sangat membantu dalam kelancaran proses permohonan bantuan saya.	3 (2.2%)	10 (7.2%)	26 (18.8%)	77 (55.8%)	22 (15.9%)	3.77
5.	Saya menerima keputusan bagi kelayakan bantuan zakat pendidikan MAIWP dengan cepat.	4 (2.9%)	17 (12.3%)	31 (22.5%)	68 (49.3%)	18 (13.0%)	3.58

Sumber: Soal Selidik 2017

Hasil dapatan soal selidik mendapati skor min tertinggi ialah pada item 1 (min-4.48) yang berkaitan dengan pernyataan “saya menerima kaedah permohonan bantuan zakat pendidikan MAIWP adalah melalui proses temuduga”. Seramai 50 orang pelajar (36.2%) menyatakan setuju dan 79 orang pelajar (57.2%) pula sangat bersetuju berbanding 6 orang pelajar (4.3%) yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Sementara itu, seramai 2 orang pelajar (1.4%) tidak bersetuju dan 1 orang pelajar (0.7%) lagi menyatakan sangat tidak setuju.

Seterusnya diikuti oleh item 2 (min-4.13), berkenaan dengan “saya berpendapat borang permohonan zakat pendidikan MAIWP mempunyai arahan yang jelas”. Dapatan kajian menunjukkan seramai 71 orang pelajar (51.4%) setuju dan 45 orang pelajar (33.3%) lagi menyatakan sangat setuju. Namun, terdapat 16 orang pelajar (11.6%) yang tidak pasti, sementara 4 orang pelajar (2.9%) lagi yang tidak bersetuju, manakala 1 orang pelajar (0.7%) pula menyatakan sangat tidak setuju bahawa borang permohonan zakat itu mempunyai arahan yang jelas. Demikian pula pada item 4 (min-3.77), seramai 77 orang pelajar (55.8%) setuju dan 22 orang pelajar (15.95) sangat bersetuju dengan pernyataan “pegawai zakat MAIWP sangat membantu dalam kelancaran proses permohonan bantuan saya”. Namun, terdapat 26 orang pelajar (18.85) tidak pasti, sementara 10 orang pelajar (7.2%) tidak bersetuju dan 3 orang pelajar (2.2%) yang menyatakan sangat tidak setuju bahawa pegawai zakat MAIWP membantu dalam proses permohonan zakat.

Seterusnya diikuti dengan item 5 (min-3.58), iaitu “saya menerima keputusan bagi kelayakan bantuan zakat pendidikan MAIWP dengan cepat” mendapati seramai 68 orang pelajar (49.3%) bersetuju dan 18 orang pelajar (13.0%) sangat bersetuju manakala 31 orang pelajar (22.5%) pula menyatakan tidak pasti. Dapatan mendapati, 17 orang pelajar (12.3%) tidak bersetuju sementara 4 orang pelajar (2.9%) sangat tidak setuju dengan kenyataan bahawa keputusan menerima kelayakan bantuan zakat MAIWP adalah cepat. Skor min terendah ialah pada item 3 (3.51%). Seramai 57 orang pelajar (41.3%) bersetuju dan 24 orang pelajar (17.4%) menyokong dengan menyatakan sangat bersetuju dengan item ini. Namun, kajian mendapati bahawa seramai 29 orang (21.0%) menyatakan tidak pasti, sebaliknya 22 orang pelajar (15.9%) tidak bersetuju sementara 6 orang pelajar (4.3%) sangat tidak setuju dengan kenyataan bahawa prosedur memohon bantuan zakat MAIWP adalah mudah. Kesimpulan daripada analisis data soal selidik jadual 2 berhubung dengan persepsi pelajar IPB dari sudut pemohonan bantuan zakat pendidikan MAIWP, didapati berada pada tahap yang tinggi. Walaupun proses permohonan melalui temuduga itu memerlukan proses siasatan yang lebih teliti dan prosedur permohonan kelihatan seperti merumitkan, namun realitinya ia adalah suatu kaedah bagi mencegah berlakunya kesilapan dan ketirisan.

VI. Kesimpulan

Kesimpulannya, bantuan zakat pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup pelajar khususnya kepada asnaf fakir dan miskin. Justeru, institusi zakat ditubuhkan adalah untuk membantu mereka yang memerlukan namun beberapa prosedur permohonan perlu dilakukan supaya tidak ada pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan ke atas hak orang lain. Namun, dalam aspek lain, pihak institusi zakat yang diamanahkan menyediakan polisi dan mekanisme penganginan wang zakat ini tidaklah boleh terus kekal rigid dengan sesuatu prosedur yang dicipta. Hal ini kerana, berdasarkan kepada kaedah *fiqh masalah al-mursalah* iaitu menjaga kepentingan umum umat Islam. Oleh yang demikian, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada institusi zakat khususnya MAIWP dan bahagian Baitulmal dalam meningkatkan kualiti pengurusan zakat khususnya dalam agihan zakat pendidikan untuk masa akan datang.

Rujukan

1. Al-Quran al-Karim & Terjemahan. Al-Quran Darul Iman. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
2. Al-Qaradawi dan Yusuf. 1969. *Fiqh al-Zakah Dirasah Muqaranah li Ahkamihawa Falsafatiha fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah*. Mohd Shukri Hanapi dan Zahri Hamat. Perakaunan Zakat Pertanian di Malaysia: Analisis dari Perspektif Cendiakawan Islam Klasik dan Kontemporari. hlm 2. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
3. Aza Shahnaz Azman, Noraini Shamsuddin dan Teh Suhaila Tajuddin. 2016. Kajian Kualiti Hidup Asnaf di Selangor: Pengaruh Faktor Keberkesaan Prosedur Permohonan dan Penyerahan bantuan. Proceeding of The 2nd International Conference on Economics & Banking 2016 (2nd ICEB) 24th-25th May 2016.
4. Azman Ab Rahman dan Mohd Faiez Abu Bakar. 2017. *Polisi Zakat Untuk Pendidikan di Malaysia: Suatu Kajian ke Arah Pembentukan Model Institut Pendidikan*. Vol. 10, No.1, pp. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa., ISSN: 2232-1047.
5. Azman Ab Rahman, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin dan Zulhilmi Mohamed Nor. 2017. *Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah*. Vol. 2, No. 1, pp. 48 – 53, Jurnal Sains Insani, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia.
6. Ishak Yussof, Zulkifly Osman dan Zainizam Zakaria. 2009. Perkembangan Pendidikan Tinggi dan Kepentingan Memenuhi Keperluan Pasaran. dlm Katty hsiao Jia Wong, Ti Ching Yan dan Jnaice Lay Hui Nga. Kemiskinan dan Pendidikan: Kesan dan Cabaran di Kalangan Belia Malaysia Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
7. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2007. Manual Pengurusan Agihan Zakat. Kuala Lumpur: JAWHAR.
8. Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Sarjana Falsafah. Jabatan Asas Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
9. McMahon, W. W. 1998. Education and Growth In East Asia. *Economics of Education Review* 17 : 159-172. Hasnah Ali, Luqman Ahmad, Sanep Ahmad dan Noraziah Ali. 2009. Keperluan, Kepentingan dan Sumbangan Perancangan Pendidikan dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia. Volume 4, Number 1, 13-29.
10. Mohamed Dahan Abdul latif. 1998. Zakat management and Administration in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Antarabangsa Malaysia. Aza Shahnaz Azman, Noraini Shamsuddin dan Teh Suhaila Tajuddin. 2016. Kajian Kualiti Hidup Asnaf di Selangor: Pengaruh Faktor Keberkesaan Prosedur Permohonan dan Penyerahan Bantuan. Prosiding of the 2nd International Conference on Economics & Banking 2016 (2nd ICEB) 24th-25th May 2016.
11. Muhammad Farid Adnan dan Izwan Harith Md Ithnan. 2016. Agihan Zakat Melalui Pendidikan Menerusi Anak Syarikat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP): Suatu Pengalaman Institut Profesional Baitulmal (IPB). (penyt). Jabatan Wakap, Zakat & Haji (JAWHAR). Jurnal pengurusan JAWHAR. Vol. 11 No. 1, 2017.
12. Muhsin Nor Paizin. 2014. Perlaksanaan Zakat di Wilayah Persekutuan: Satu Pemerhatian Terhadap Operasi Kutipan & Agihan Zakat. Bangi: Penerbit Ukm, Ukm Press.
13. Mujaini Tarimin. 1999. Zakat Pertanian, Sistem dan Perlaksanaannya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
14. Mujaini Tarimin. 2005. Zakat Menuju Pengurusan Profesional. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
15. Najibah Mustaffa dan Mohd Zamro. 2014. Pengurusan Wakaf Pendidikan di institut pengajian Tinggi di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International of Islamic and Civilization Studies* vol. 1, no. 1, pp. 45-57.
16. Norfariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad. 2017. Peranan Zakat dalam Meningkatkan Ekuiti dalam Pendidikan Anak-anak Miskin Bandar di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* Julai 2017, Bil. 4, Isu 3.
17. Ringkasan Laporan Tahunan Pusat Pungutan Zakat MAIWP. 2014. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/#1499223957062-62b4a2fd-95f6>
18. Ringkasan Laporan Tahunan Pusat Pungutan Zakat MAIWP. 2016. <https://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/#1499223957062-62b4a2fd-95f6>
19. Syed Othman al-Habshi. 1988. Peranan Zakat Dalam Membantu Pembangunan Ekonomi Negara. dlm Bahrudin Sayin, Azri Bhari dan Mohd Afandi Mt Rani. 2016. Analisis had Kifayah Semasa di Malaysia: Satu Semakan Semula.
20. Yusuf al-Qaradawi. 2011. *Fiqh al-Zakah*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
21. <http://www.ipb.edu.my/>
22. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kos-sara-hidup-2017-dijangka-meningkat-1.605134>
23. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0504&pub=Utusan_Malaysia&sec=Laporan_Khas&pg=lk_07.htm
24. https://www.moe.gov.my/images/pekeliling/2002/circularfile_file_000829.pdf
25. <https://engine.um.edu.my/docs/librariesprovider17/forms-and-circulars-accreditation-guidelines/pelanstrategikpengajiantinggi2020.pdf?sfvrsn=2>
26. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0120&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_06.htm
27. http://www.ptptn.gov.my/docs/Berita_PTPTN/BERITA%20HARIAN_080710.pdf
28. <http://www.maiwp.gov.my/i/images/maiwp/risalah/Agihan-Zakat-MAIWP-2014.pdf>
29. <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=PERSEPSI>
30. <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=PENDIDIKAN>